



# SIARAN MEDIA

**EMBARGO sehingga 23 Jun 2016, 5:30 pm**

## **PKS Kekal Menjadi Keutamaan dalam Persekitaran Ekonomi yang Mencabar**

**Kuala Lumpur, 23 Jun 2016** – Mesyuarat ke-20 Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NSDC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak hari ini telah dimaklumkan tentang perkembangan terkini ekonomi dan impaknya ke atas PKS. Majlis mengambil maklum bahawa disebalik persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, PKS kekal berdaya tahan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 6.1% pada tahun 2015 berbanding pertumbuhan asas 7.9% pada 2014. Ini turut disokong oleh hasil penemuan dari Kaji Selidik PKS Suku Pertama 2016 oleh SME Corp. Malaysia yang menunjukkan bahawa meskipun perniagaan di Malaysia telah terjejas disebabkan prestasi ekonomi yang suram, namun impaknya kepada PKS tidak terlalu ketara. Sehingga 2015, sumbangan PKS kepada KDNK adalah 36.3%.

Prestasi memberangsangkan ini sebahagiannya disebabkan langkah terdahulu yang dilaksanakan oleh Kerajaan secara bersiri sejak awal tahun lalu bagi mengurangkan impak kelembapan ekonomi. Langkah tersebut bertujuan merangsang permintaan domestik dan menyediakan bantuan pembiayaan tambahan untuk menyokong pertumbuhan PKS. Selain itu, pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (HIP) di bawah Pelan Induk PKS turut memberi sokongan tambahan kepada PKS. Tumpuannya adalah untuk menggalakkan inovasi dan memudahkan pengkomersialan produk serta perkhidmatan PKS. Sehingga kini, terdapat lapan (8) inovasi yang dikomersialkan dan 110 lesen yang ditandatangani di bawah HIP2, Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP).

Satu lagi kaji selidik ke atas PKS inovatif di bawah program 1-InnoCERT menunjukkan syarikat tersebut mencatat pertumbuhan berganda dalam jualan dan eksport, serta mempunyai tahap produktiviti dan kadar upah yang lebih tinggi daripada norma industri secara umumnya. Mesyuarat memutuskan bahawa 1-InnoCERT akan menjadi mekanisme penilaian inovasi yang seragam untuk digunakan oleh semua Kementerian dan agensi dalam program sokongan inovasi pada masa akan datang.

Berhubung dengan HIP1 iaitu kemudahan menjalankan perniagaan, Dato' Sri Mohd Najib telah melancarkan MalaysiaBiz, sebuah portal maklumat yang menyediakan butiran mengenai pendaftaran dan lesen / permit yang diperlukan untuk aktiviti perniagaan merentasi semua sektor ekonomi di Semenanjung Malaysia. Semua inisiatif ini dijangka akan menyumbang kepada pencapaian sumbangan KDNK PKS sebanyak 41% menjelang 2020. Bagi mengukuhkan prospek jangka panjang PKS, Kerajaan juga sedang memuktamadkan Rang Undang-undang PKS Kebangsaan yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen menjelang akhir tahun ini. Mesyuarat juga mengambil maklum tentang kewujudan saluran pembiayaan baharu seperti pendanaan masyarakat berasaskan ekuiti (*Equity Crowdfunding*) dan *Investment Account Platform* yang boleh memberi manfaat kepada PKS, khususnya di peringkat permulaan dan awal penubuhan.

Pertumbuhan KDNK PKS dijangka kekal sekitar 5% bagi tahun 2016. Disebalik perbelanjaan fiskal lebih berhemah, Kerajaan terus komited dalam pembangunan PKS dengan memperuntukkan sejumlah RM7.34 bilion bagi melaksanakan 152 program pembangunan PKS pada 2016. Selain daripada merealisasikan impak ekonomi dari segi menjana pertumbuhan, eksport dan pekerjaan, tumpuan yang mencukupi untuk PKS adalah penting bagi memastikan pertumbuhan yang inklusif dan agenda sosial terutamanya melibatkan kumpulan 40% terendah dalam piramid pendapatan, dapat dicapai.

Berdasarkan hasil kaji selidik, PKS juga terus mengambil tindakan bagi mengatasi cabaran yang dihadapi dengan melaksanakan langkah penjimatan kos, menerokai pasaran baharu dan meningkatkan kecekapan untuk kekal berdaya saing. Dalam

Mesyuarat tersebut, dua buku panduan bertajuk *Financing Schemes for SMEs in Malaysia* dan *Tax Incentives for SMEs in Malaysia* telah diedarkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan capaian. Buku ini akan menjadi rujukan berguna bagi PKS yang ingin mendapatkan bantuan Kerajaan.

Urus setia  
Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NSDC)  
23 Jun 2016

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut sila hubungi En. Ahmad Mu'izz Mohd Yusof (03-2775 6275 atau emel – [muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)); atau Cik Marianne Edwina Santa Maria (03-2775 6208 atau emel – [marianne@smecorp.gov.my](mailto:marianne@smecorp.gov.my))

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORPORATION MALAYSIA)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

Laman Sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my) e-mel: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME CORP. MALAYSIA**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.